



Bil :2/2001 PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN SAFAR- JAMADIL AWAL 1422 / APR-JUN 2001

HJ. HANIFA AHMAD KETUA KUMPULAN PERBADANAN

Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan amat mengalu-alukan perlantikan Tuan Haji Hanifa Ahmad selaku Ketua Eksekutif Kumpulan yang baru menggantikan En. Wan Zulkifli Wan Yusoff yang tamat kontrak perkhidmatannya.

Pelantikan beliau diumumkan oleh Pengurus Lembaga Perbadanan, YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat yang juga Menteri Besar Kelantan dalam mesyuarat Lembaga Perbadanan pada 13 Jun 2001. Perlantikan beliau berkuatkuasa pada 12 Rabiulakhir 1422 bersamaan 4 Julai 2001

Haji Hanifa dilahirkan pada 8 Ogos 1946 di Pasir Mas, Kelantan. Berkelulusan B.A. (Hons) dari Universiti Malaya pada tahun 1969, beliau memulakan khidmat selaku Pegawai Tadbir & Diplomatik Malaysia (PTD) dari tahun 1969-1974. Kerjaya beliau bermula sebagai Penolong Ketua Jajahan Temerloh, Pahang dan kemudiannya sebagai Pegawai Kemajuan Negeri Sembilan dan seterusnya selaku Penolong Pengarah Implementation Coordination Unit di Jabatan Perdana Menteri. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Sociologist bagi ENEX of New Zealand bagi projek Kelantan River Basin Study pada tahun 1975-1977.

Sebelum dilantik mengetuai Kumpulan Perbadanan, beliau pernah dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat (EXCO) Kerajaan Negeri Kelantan dan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan sekitar tahun 1978-1986. Beliau memulakan tugas



di Kumpulan Perbadanan sebagai Pengurus Besar (State Development Officer) di syarikat anak iaitu Kelantan Baja Corporation Sdn. Bhd. dan Darulnaim Agro Management Industries Sdn. Bhd. (DAMAI) serta Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) Perbadanan dari tahun 1991- Julai , 2001.

Mendirikan rumah tangga pada 8 Ogos 1968 dengan Puan Hajjah Zaharah Rosminah bt Amaluddin, mereka telah dikurniakan empat orang cahaya mata dan diseriakan lagi dengan kehadiran empat orang cucu sebagai penghibur hati. Perlantikan beliau sebagai Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK amat bertepatan dengan kematangan usia beliau dan ditambah pula dengan pengalaman-pengalaman lampau serta kelayakan profesional yang dimilikinya. Seluruh warga Kumpulan Perbadanan mengucapkan tahniah di atas perlantikan beliau . Semoga Perbadanan akan terus mencatatkan kejayaan di bawah pimpinan Tuan Haji Hanifa sejajar dengan misi korporatnya iaitu untuk "Membangun dan Mengembangkan Ekonomi Berlandaskan Lunas-lunas Islam Untuk Kesejahteraan Ummah".



Sidang Editor

Apabila disebut nama sesbuah organisasi, kita tidak hanya membayangkan siri pencapaian yang telah dirintis oleh organisasi tersebut, bahkan turut melihat kepada misi organisasi, objektif jangka panjang dan jangka pendek serta tenaga-tenaga kerja yang mendukung organisasi tersebut.

Kesemua perkara yang dinyatakan di atas memerlukan kepada suatu bentuk perancangan yang tersusun bagi memastikan kejayaan organisasi itu. Sayidina Ali merumuskan perkara ini dalam kata-katanya yang bermaksud : **Kebenaran yang tidak teratur dapat dikalahkan oleh kebatilan yang teratur.** Oleh sebab itu, aspek perancangan adalah sesuatu yang penting bagi menentukan maju mundur, berjaya tidaknya sesuatu organisasi. Oleh itu seharusnya Perbadanan ini yang diberi amanah besar dan harapan tinggi bukan sahaja oleh Kerajaan Negeri malahan seluruh rakyat jelata, merombak serta menyusun organisasinya dari masa ke semasa.

Perubahan luaran semata-mata tidaklah mencukupi. Perubahan yang penting ialah kesedaran dalam anggota yang dipertanggungjawabkan dalam organisasi itu. Tunjangnya ialah ketaqwaan hati dibarat empangan air yang penuh boleh menghasilkan kuasa-kuasa menggerakan tenaga. Dari sinilah tumbuhnya sikap amanah, jujur, sanggup berkorban, mengutamakan misi Kumpulan Perbadanan, bekerja keras, setia kawan, siap siaga untuk menambah ilmu dan iain-iain lagi. InsyaAllah, segala perubahan ini bukan hanya akan menghasilkan kita 'reward' dalam bentuk material bahkan juga ganjaran pahala daripada Allah s.w.t.

Dan sememangnya segala perubahan ini memerlukan perhatian yang besar dan ia menjadi mudah dengan contoh tauladan dari pegawai peringkat atas untuk diikuti kakaitangan bawahan. Semoga kita dapat melaksanakan amanah yang diberi dengan pertolongan Allah s.w.t.

Penaung:

Tn. Hj. Hanifa Ahmad

Ketua Editor:

Tn. Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

Editor :

Tn. Hj. Baharuddin Harun

Pen. Editor:

En. Mohd Adilan Mat Jusoh

Pn. Ahlaami Hj. Ab. Hatim

Pn. Nik Farzimar Nik Omar

Pn. Teh Mariam Mohamed

En. Wan Azizan Wan Yaakub

YM. Tengku Petra Tengku Wook

En. Mohd. Ramli Hj. Hamzah

Juru Foto :

En. Mohd Ghazali Mahmood

En. Nik Ayub Nik Him

BERITA KUMPULAN PKINK

DITERBITKAN OLEH :

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK

Jalan Tengku Maharani

Peti Surat 142, 15710 Kota Bharu, Kelantan.

REKA BENTUK DAN DICETAK OLEH:

DIAN DARULNAIM SDN. BHD.

5315-A, Jalan Sultan Yahya Petra, Lundang,

15200 Kota Bharu, Kelantan Darulnaim

Tel : 609 - 744 3510, 609 - 7448493

Faks: 609 - 748 7619

KIJANG KUARI BEROPERASI - DI GUA MUSANG

Kijang Kuari Sdn. Bhd., anak syarikat kepada Kelkon Sdn. Bhd. telah ditubuh dan memulakan operasinya pada tahun 1976. Operasi pertamanya di Pulau Chondong. Kejayaan keuntungan yang dicatatkan membolehkan Kijang Kuari membuka satu lagi cawangan iaitu di Hutan Simpanan Kelau Ulu Nenggiri, Gua Musang yang membabitkan kawasan seluas 72 ekar.



Perasmian pembukaan cawangan baru ini diadakan pada 6 Rabiul Akhir 1422 (28.Jun.2001) bukan sahaja mampu menambahkan aktiviti syarikat malah secara langsung akan merangsang pembangunan di jajahan Gua Musang. Ia juga turut membuka peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk sekitarnya. Di samping dapat merancakkan projek-projek pembinaan di Gua Musang dan dapat menjimatkan kos bahan batuan dan pengangkutan. Dalam ucapan alu-aluan pada majlis perasmian projek tersebut, Tuan Haji Hanifa Ahmad Ketua Eksekutif PKINK berkata, sekiranya segala perancangan berjalan mengikut jadual, projek tersebut yang menelan kos pelaburan sebanyak RM6 juta akan memberikan pendapatan kepada syarikat sebanyak RM1 juta setahun. Projek itu juga akan menjana hasil kepada kerajaan negeri melalui pembayaran royalti sebanyak RM300,000 setahun.

Menteri Besar YAB, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat, semasa berucap meresmikan kuari tersebut melahirkan rasa bangganya di atas pencapaian dan peningkatan prestasi Kijang Kuari. Katanya "Penglibatan syarikat berkenaan yang kian meluas adalah seiring dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu peningkatan pegangan aset oleh golongan Bumiputera. Selain itu

secara langsung penglibatan Kijang Kuari akan menyumbang kepada pertambahan angka tunjuk ekonomi, bahkan turut mempertingkatkan tahap sosio-ekonomi negeri. Sehubungan itu beliau juga meminta pegawai-pegawai PKINK meningkatkan komitmen kerja bagi menggalakkan pencapaian prestasi perbadanan.

Katanya, antara langkah yang patut diambil ialah tidak terlalu terikat dengan waktu kerja pejabat. Pegawai dalam sektor perniagaan mesti berbeza dengan pegawai kerajaan di sektor awam. "Waktu bertugas hendaklah jangan terlalu terikat seperti pegawai kerajaan lain yang terikat dengan waktu pejabat, sebaliknya pegawai PKINK tidak boleh terlalu berkira dengan masa pejabat. Soal kerja lebih masa tidak menjadi soal kerana mereka dibayar bagi menumpu kepada 'business', apa yang penting 'business' itu berjaya," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyeru kakitangan kerajaan di sektor korporat seperti PKINK mempertingkatkan kegigihan bekerja bagi meningkatkan imej selaku anak syarikat milik kerajaan negeri.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri, YB Tuan Hj. Ahmad b. Yakob, YB Tuan Hj. Muhamad Daud, ADUN Ketereh Haji Ashaari Mamat serta pegawai-pegawai PKINK.

SYARIKAT USAHAWAN MUDA SERTAI KONVENTSYEN PUM NASIONAL

Program Usahawan Muda (PUM) mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1989 di dua buah sekolah pada waktu itu. Ia diletakkan di bawah Unit Penyelarasan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Pada tahun 1990, PUM telah dipindahkan ke Kementerian Perusahaan Awam (KPA) dan pada tahun 1995, KPA telah diperluaskan skopnya dan ditukarkan namanya kepada Kementerian Pembangunan Usahawan, sekaligus melibatkan pertukaran nama kepada PUM.

Pada tahun 2000, sebanyak 325 buah sekolah iaitu sekolah menengah, sekolah menengah agama rakyat, sekolah menengah vokasional, sekolah menengah sains dan MRSM dari seluruh negara telah menyertai Program Usahawan Muda (PUM). Ia telah disertai 8,000 pelajar dan 640 guru penasihat. Selain PUM di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (KPUn), terdapat juga agensi kerajaan dan swasta menjalankan program yang sama dikenali sebagai Program Keusahawanan Muda dengan kerjasama Kementerian Pendidikan seperti American-Malaysian Chamber of Commerce bagi Pengusaha Muda Malaysia, Esso bagi Pengusaha Muda Esso dan Institut Pembangunan Pengurusan Johor bagi Program Tunas Bestari.

Kesemua program tersebut mempunyai matlamat dan kumpulan sasaran yang sama walaupun dari segi cara perlaksanaan, latihan dan bantuan yang diberikan berbeza antara satu sama lain.

Bagi memberi pengiktirafan kepada peserta PUM, pihak KPUn dan Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UITM) telah menganjurkan Konvensyen PUM Peringkat Nasional pada 11 - 14 Mei 2000 berlempat di kampus induk UITM, Shah Alam, Selangor. Konvensyen tersebut disertai 14 syarikat yang mewakili negeri dari seluruh Malaysia. Pelbagai program telah diatur sepanjang tempoh empat hari berlangsung termasuk ceramah keusahawanan, ceramah motivasi,



Pelbagai kategori telah dipertandingkan di konvensyen tersebut seperti Syarikat Terbaik, Pengurus Terbaik, Produk/Perkhidmatan Terbaik, Agensi Perlaksana



Terbaik dan Penasihat Terbaik.

Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK selaku Sekretariat PUM Negeri mengetual rombongan dari Kelantan yang terdiri dari 30 pelajar, lima orang guru pengelola, dua penasihat dan dua pegawai PKINK. Syarikat Cyber Islamic Sdn. Bhd. dari SMK (A) Tangok, Bachok mewakili Kelantan dalam kategori Syarikat Terbaik

dari SMK Manek Urai, Kuala Krai pula dalam kategori Produk Terbaik. Tuan Hj. Mohd. Suhaimi Hussin, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) turut hadir dalam Majlis Makan Malam sebagai wakil PKINK yang telah

dirasmikan oleh Dato' KSU, Kementerian Pembangunan Usahawan.



BALASUNGKAWA

Lawat waktu Maghrib 13 Rabu 1422 bersamaan 5 Julai 2001 sebahagian besar anggota PKINK dilakukan dengan berita kematian Tn. Hj. Wan Abdul Azim Bin Wan Abdullah, Pengurus Pembangunan Usahawan, PKINK Allahyarham yang dilahirkan pada 7 November 1956 telah memulakan perkhidmatannya sebagai Pegawai Tadbir Pertanian di Perbadanan pada 1 September 1991 secara pinjaman melalui PKB Management Sdn. Bhd. Beliau dilantik ke jawatan Pegawai Tadbir Perbadanan pada 1 Mac 1995 dan disahkan ke jawatan tersebut pada 1 Mac 1998 dengan diberikan tanggungjawab serta kepercayaan untuk mengetuai Bahagian Pembangunan Usahawan.

Setelah menabur khidmat bakti dengan Perbadanan selama enam tahun tiga bulan, Allahyarham meninggal dunia pada 5 Julai 2001 ketika berusia 45 tahun kerana serangan jantung.

Pihak Pengurusan dan seluruh warga kerja PKINK mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham serta mendoakan kepada Allah agar rohnya ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman. Al-Fatihah.

DR. MASHITAH:

SUAMI USAH CEPAT MARAH



Institut Pembangunan dan Pengurusan Insan (IPPI) sebuah unit di bawah Permodalan Kelantan Berhad (PKB) telah mengadakan Majlis Pelancaran Kad Intelek di Dewan Bunga Tanjung, Hotel Perdana pada 5 Safar 1422 (29 April 2001).

Penceramahnya telah disempurnakan oleh penceramah agama yang terkenal iaitu YBhg. Dato' Dr. Mashitah Ibrahim dari Universiti Islam Antarabangsa.

Bersempena dengan majlis pelancaran tersebut, IPPI turut mengadakan Forum Keluarga Harmoni yang dihadiri lebih kurang 500 peserta dari pelbagai lapisan masyarakat yang keseluruhannya wanita. Tujuan penganjuran forum itu untuk mengupas senario kehidupan berkeluarga yang bahagia seiring hasrat mencari keharmonian mengikut kacamata Islam.

Seramai empat ahli panel yang memang pakar dalam bidang masing-masing iaitu Dato' Dr. Mashitah Ibrahim (UIA), Dr. Abdullah Sudin (UITM Machang), Ustazah Mariam Omar (MMP Pasir Pekan) dan Tuan Hj. Nik Mohamad Nik Lib (Sek. Men. Teknik Tanah Merah), forum ini telah dipengerusikan oleh Kak Wan dari Radio Malaysia Kelantan yang berjaya menghidupkan majlis.

Berbagai isu serta permasalahan rumah tangga berjaya dikupas dan dianalisis oleh ahli panel sesuai dengan kehidupan masa kini. Dalam forum tersebut, Dr. Mashitah Ibrahim telah menyarankan agar para suami isteri membina persefahaman melalui sikap tolak ansur di atas kekurangan pasangan mereka, saling menghargai dan menghormati bagi mengekalkan rumah tangga yang telah terbina berteraskan prinsip-prinsip Islam.



Menurut beliau, "Islam mengingatkan isteri supaya tidak membiarkan api kemarahan suami kepada isteri sehingga ke malam kerana ia boleh menyebabkan pahala amalan isteri seperti sembahyang tidak kesampaian." "Suami perlu bersikap positif sebagaimana yang digambarkan oleh Al-Quran (An Nisaa': 9) yang bermaksud: Dan bergaullah kamu dengan mereka secara sepututnya. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka kerana tingkah lakunya (maka bersabarlah), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedangkan Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu)."

"Katakanlah (wahai Muhammad):

"Sesungguhnya Tuhanmu memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya, dan ia juga yang menyempitkan baginya: dan apa sahaja yang kamu dermaikan maka Allah akan menggantikannya; dan Dialah jua sebatik-batik pemberi rezeki".

Surah Saba' 39

MESYUARAT AGONG KOPERASI BERJALAN LANCAR



Selainnya dalam jumlah sebanyak 43500 ahad anggota Koperasi yang menghitung hari, memasang angan-angan dan mula berlapang dada. Sedikit sebanyak ada hajat yang tertunai. Apa tidaknya.... setiap kali mesyuarat agong ada ganjaran yang menanti - cenderahati wang kehadiran serta dividen saham dan pelaburan mesti menjadi milik ahli.

Mesyuarat Agung Koperasi PKINK kali ke20 telah diadakan pada 8 Rabiul Akhir 1422 (30 Jun 2001). Ia dimulai dengan sesi pengundian sebelum majlis perasmian dan mesyuarat agung bermula.

Pengundian pada tahun ini lebih demokratik kerana ia dibuat secara tertutup, bagaimanapun keadaan agak kelam kabut seketika kerana kaunter yang dibuka tidak mampu menampung kehadiran, anggota yang agak ramai dan bersesak-sesak.,

Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Koperasi pada kali ini telah disempurnakan oleh YM. Professor Di Raja Ungku Aziz, merangkap Yang Pertua ANGKASA.

Semasa berucap , beliau menyentuh tentang peranan serta nilai-nilai yang patut diamalkan oleh





Seluruh anggota yang terpilih berusaha memperkenalkan nilai Islam yang secara langsung menjurus kepada sifat telus dan amanah. Beliau menambah kata, "Orang-orang yang mentadbir koperasi mestilah berjiwa koperasi dan bukannya berjiwa korporat. Katanya orang yang berjiwa korporat hanya mementingkan perniagaan iaitu mendapat keuntungan sebanyak mungkin.

Umpamanya perniagaan spekulatif yang diceburi oleh sesetengah koperasi di Malaysia yang mana banyak mengalami kerugian. Perniagaan tersebut tidak sepatutnya dijalankan oleh koperasi yang bertujuan untuk mendapatkan wang cara mudah tanpa bekerja kuat." Pada mesyuarat agung kali ini, anggota-anggota yang terpilih menduduki kerusi Ahli Lembaga Pengarah iaitu:

En. Mohd. Razali Deraman
En. Mohamad Alwi Ya
En. Nik Azman Nik Mustapha
En. Wan Ab. Rahman Wan Yaacob
En. Supran Shafie
Puan Azizah Daud

Syabas kepada anggota-anggota yang telah terpilih, semoga koperasi PKINK akan lebih aktif dan sukses di bawah kepimpinan baru.



SAMBUTAN MAULIDUR

RASUL KUMPULAN PKINK



Majlis Maulidur Rasul peringkat PKINK diadakan pada 18 Rabiul Awal (10 Jun 2001) bertempat di Bilik Operasi, Tingkat 10, dan dihadiri oleh semua anggota.

Tuan Hj. Hanifa Ahmad, Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) ketika itu berucap merasmikan majlis tersebut menyerau dan mengingatkan anggota-anggota PKINK untuk mencontohi Nabi Muhammad S.A.W sebagai idola dalam membentuk peribadi yang luhur.

Baginda Rasullullah SAW memiliki personaliti yang lengkap lagi sempurna, justeru itulah Baginda telah dilantik sebagai 'Utusan' Allah sebagai perantaran untuk menyebarkan syiar Islam.

Ceramah Khas Maulidur Rasul telah disampaikan oleh Ybhg. Ustaz Ab. Basil Ab. Rahman dari Pusat Pengajian Pondok, Sungai Durian, Kuala Krai.

Menurut beliau, "Kita hari ini amat bermasib baik kerana mempunyai banyak kemudahan serta peluang untuk membudayakan Islam sebagai satu cara hidup, tidaklah sesukar pada zaman Nabi SAW dahulu. Bagaimana pun, begitu, sebahagian besar daripada



kita tidak pernah menghargai dan memanfaatkan keistimewaan tersebut.

"Amat dikesali kerana ada dari kebanyakan orang-orang Islam yang lupa diri, lupa akhirat lantas begitu ghairah mengejar duniaawi. Ekoran itu terdapat ramai orang Islam yang kosong jiwanya mencetuskan pelbagai gejala sosial". katanya.

Selain menceritakan sirah hijrah Rasulullah SAW, penceramah turut menekan agar kita benar-benar menghayati dan mengamalkan cara hidup Islam. Amalan yang berterusan kepada Allah S.W.T akan menjamin kehidupan yang lebih teratur dan dilimpahi rahmat.



JEJAK WARISAN KOTA BHARU - KUALA TERENGGANU. TARIK RAMAI PENYERTAAN

JEJAK WARISAN
KOTA BHARU - KUALA TERENGGANU
TREASURE HUNT 2001
ANJURAN PERDANA RESORT

PERGAMAN 6 & 7 APRIL 2001

DATA REBUTAN: 03-96121222 / 03-96121222 / 03-96121222

RM6,000.00

DIMENANG



Untuk kali keduanya Perdana Resort dengan kerjasama Malaysia Tourist Promotion Board (MTPB), Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan, Peladang Setiu Agro Resort, Rapalia Recreational Services dan Agro Mas menganjurkan program Treasure Hunt yang diberi nama Jejak Warisan Kota Bharu- Kuala Terengganu Treasure Hunt 2001 pada April lalu.

Program kali ini telah berjaya menarik minat seramai 100 peserta melibatkan 25 buah kenderaan. Para peserta kebanyakannya terdiri daripada mereka yang pernah terbabit dalam program Treasure Hunt kali pertama yang diadakan di Kuala Koh pada 27 & 28 April 2000. Pengalaman menyenang program dan aktiviti-aktiviti yang diadakan pada tahun lalu membuatkan mereka tertarik untuk mengikuti program pada kali ini.

Sehari sebelum program berlangsung, setiap peserta diberi penerangan tentang arah tuju, cara menjawab soalan dan tempat-tempat persinggahan sepanjang 'Treasure Hunt' berlangsung. Pembahagian T-Shirt, buku cenderamata dan lain-lain peralatan turut diberikan pada hari tersebut.

Pada 6 April 2001 peserta telah bertolak dari perkarangan Perdana Resort dengan dirasmikan oleh YB Tuan Haji Anuar Tan Abdullah selaku penaung program tersebut juga Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat Antara Kaum, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Kelantan bersama-sama dengan Encik Shaufi Ahmad, Pengurus Besar Perdana Resort.

Para peserta bermula pada jam 9:30 pagi dari Perdana Resort telah melalui Jalan Kampung Sireh, Jalan Telipot, Jalan Kubang Kerian, Jalan Pasir Puteh dan singgah di Makam Raja Abdullah untuk menjawab beberapa soalan yang diberikan. Tempat persinggahan

seterusnya ialah di Peladang Setiu Agro Resort dimana peserta telah dihidangkan makan tengahari di samping menjawab soalan-soalan yang telah disediakan oleh Encik Roslan Idris dari Rapalia Recreational Services.

Peserta bermalam di Permai Park Inn International Hotel Kuala Terengganu. Pada keesokan harinya para peserta telah dibawa melawat Muzium Negeri Terengganu dan Planetarium Negeri Terengganu.

Majlis penutup program Jejak Warisan Kota Bharu - Kuala Terengganu Treasure Hunt 2001, diadakan di Dewan Teratai, Kota Darul Naim. Jamuan makan malam disediakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Di samping itu mereka dihiburkan oleh alunan merdu nyanyian dan muzik tradisional daripada Kumpulan Simfoni dibawah kelolaan Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan. Majlis penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Anuar Tan Abdullah.

Pada keseluruhananya, program tersebut berjalan dengan jayanya dan Insya Allah program seumpama itu kekal menyusul tahun akan datang. Kepada semua pihak yang menyumbang ke arah kejayaan program berkenaan diucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan jumpa lagi.



Hasrat dan kehendak hanyalah pembuka jalan yang mendorong seseorang individu agar berusaha dengan lebih gigih untuk berjaya.

Misalnya bagi menguruskan sesbuah perniagaan, hasrat dan kehendak sejarar dengan ilmu dan kemahiran merupakan elemen-elemen yang penting. Dalam konteks ini, mentarbiah dan mengorientasikan kaedah ilmiah kepada individu yang berhasrat untuk menjadi usahawan adalah satu prasyarat bagi menentukan tahap kecekapan, produktif serta ketahanan daya saing yang tinggi.

Selaras dengan komitmen bagi melahirkan lebih ramai usahawan yang berkualiti, Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK dengan kerjasama Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC), UiTM menganjurkan Kursus Keusahaawanan Dan Peluang-peluang Perniagaan pada 3 - 6 Rabiul Akhir 1422 (25 - 28 Jun 2001) bertempat di Kolej Risma, Bukit Sireh, Kuala Krai.

Kursus tersebut diadakan bertujuan untuk membantu meningkatkan penyertaan para belia dari seluruh Kelantan dalam bidang perniagaan di samping mendedahkan mereka kepada beberapa aspek penting yang menjadi asas dalam pengoperasian perniagaan.

Kursus selama empat hari tersebut dihadkan penyertaan oleh pihak MEDEC hanya untuk seramai 30 peserta lelaki dan lima peserta wanita yang kebanyakannya terdiri daripada kalangan usahawan tempatan.

Antara tajuk ceramah yang telah disampaikan adalah Keusahaawanan Dari Perspektif Islam, Mengenalpasti dan Memilih Peluang Perniagaan, Kaedah Penyediaan Rancangan Perniagaan, Rancangan Operasi Perniagaan, Rancangan Pemasaran, Perakaunan Syarikat; Pembiayaan Kewangan serta Motivasi Keusahaawanan. Selain daripada itu, program Qiamullah serta ceramah agama juga telah disusun bagi menerapkan cir-cir keusahaawanan muslim kepada para peserta.

Aturcara kursus yang padat tidak melemahkan semangat peserta di mana berdasarkan maklumbalas-maklumbalas yang diperolehi jelas menunjukkan peserta amat berpuashati dengan modul kursus yang disampaikan bagi membolehkan mereka mempraktikkannya di dalam perniagaan masing-masing. Mereka juga berharap agar kursus-kursus seperti itu diadakan lagi di masa depan.

Majlis penutup dan penyampaian sijil disempurnakan



oleh YB. Tuan Hj. Zulkifli Mamat, ADUN Pulai Chondong merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pembangunan Usahawan & Sumber Manusia Negeri Kelantan. Turut hadir dan menyampaikan ucapan pada majlis tersebut iaitu Tuan Hj. Wan Adnan Wan Abd. Kadir, Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) PKINK.

(dari muka surat 11)

Karom & Ping Pong

: Di Balik Rekreasi Sukan Tingkat 6 pada setiap Ahad, Isnin, Selasa dan Rabu mulai jam 5.00 hingga 6.00 petang.

Bagi mendapatkan maklumat terkini, ahli-ahli disarankan supaya berhubung terus dengan pengurusan pasukan masing-masing iaitu:

Tn. Hj. Ramli Abdullah
En. Aziz Mahmud
Tn. Hj. Nik Mohd. Kamal Nik Yusoff
En. Nik Kamil Amira Nik Ab. Rahman
En. Mazlan Mohd. Ragam
Tn. Hj. Mohd. Roslan Muhammad
En. Azman Hassali
En. Wan Azizan Wan Yaacob
En. Ahmad Nazri Ismail
Pn. Pauziah Daud

Semua ahli diharap akan memanfaatkan segala peluang dan kemudahan yang telah disediakan. Selamat bersukan dan berekreasi.

PENGURUSAN PKINK DIPERKEMAS LAGI

Setelah sekian tahun dan beberapa lama menabur khidmat dan bakti kepada PKINK, beberapa anggota Perbadanan telah menamatkan perkhidmatan kerana persaraan wajib dan persaraan pilihan.

Anggota-anggota yang bersara wajib ialah :

- | | |
|--|------------------------------------|
| 1. Tuan Hj. Ghazi b. Yusoff | -bersara pada 28 Zulkaedah 1421 |
| 2. Tuan Hj. Syed Mohd. Kamaruzaman Syed Daud | -bersara pada 6 Zulhijah 1421 |
| Anggota-anggota yang bersara atas pilihan sendiri ialah: | |
| 1. En. Wan Zukifli Wan Yusoff | -bersara pada 11 Rabiul Akhir 1422 |
| 2. Tuan Hj. Ahmad Farid Mahmud | -bersara pada 13 Rabiul Awal 1422 |
| 3. Tuan Hj. Nik Muhd. Affendi Nik Mahmud | -bersara pada 8 Rabiul Akhir 1422 |
| 4. Tuan Hj. Mohd. Nayai Ahmad | -bersara pada 8 Rabiul Akhir 1422 |



Berikutnya persaraan anggota di atas, telah berlaku pertukaran dan kenaikan pangkat di peringkat pengurusan. Mereka yang terlibat ialah:-

1. Tuan Hj. Hanifa Ahmad (Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) dilantik sebagai Ketua Eksekutif)
2. Tuan Hj. Wan Adnan Wan Abdul Kadir (Pengurus Perancangan Korporat dilantik sebagai Timbalan Ketua Eksekutif(HEK))

Pertukaran dan perlantikan ini berkuatkuasa mulai 12 Rabiul Akhir 1422 (4 Julai 2001). Dan bermula pada 15 Julai 2001, Pengurusan Perbadanan telah melakukan sedikit rombakan dan penempatan semula anggota yang membatikan pegawai-pegawai kumpulan A. Mereka yang terlibat ialah:-

Tn. Haji Wan Ab. Rahman Wan Yaacob (Pengurus Projek & Hartanah)
En. Mohd. Naim Marnati(Pengurus Besar KPKB Sdn Bhd.)
Tn. Hj. Mohamad Aliwi Ya(Pengurus Pembangunan Usahawan)



Tn. Hj. Mohamad Suhani Ibrahim Araul (Pengurus Perancangan Korporat)
En. Mohd. Adilan Mat Jusoh(Pegawai Khas Ketua Eksekutif)
En. Mohd. Asril Sulaiman(Pen. Pengurus Perancangan Korporat)
Pn. Ahsaamri Dato' Peduka Ab. Halim(Pen. Pengurus Sumber Manusia/Perundungan / Perhubungan Korporat dan Latihan)
Datin Norsiah Musa(Pen. Pengurus Industri & IKS)
En. Asmadi(Pen. Pengurus Audit Dalam dan Naziran)



Sidang Editor Berita PKINK dan keseluruhan anggota kumpulan PKINK merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih di atas segala bakti yang dicurahkan kepada Perbadanan oleh anggota-anggota yang bersara dan manakala anggota Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang baru dilantik, diucapkan syabas dan tahniah.
Selamat menerusnya alam baru dan selamat maju jaya

MOHD SUHAIMI TERAJUI

KSK PKINK

Pada 1 Salar 1422 KSK PKINK mengadakan Mesyuarat Agongnya bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK yang dirasmikan oleh Tuan Hj. Hanifa Ahmad, ketika itu sebagai Timbalan Ketua Eksekutif (HEK).

Berucap di majlis perasmian tersebut, beliau menyayarkan agar ahli sentiasa menyemai sikap ikhlas dan amanah dalam sebarang kegiatan yang diceburi.

Menurutnya, mana-mana ahli yang terpilih untuk mewakili Perbadanan dalam sebarang kejohanan samada di peringkat negeri mahu pun kebangsaan, diingatkan agar sentiasa mendisiplinkan diri demi menonjolkan imej PKINK kepada masyarakat luar. Beliau turut menegaskan bahawa kegiatan luar yang diceburi akan mempererat lagi hubungan antara agensi-agensi kerajaan.

Mesyuarat pada tahun ini dihangatkan dengan kehadiran ahli-ahli yang agak ramai dan dianggarkan dua kali ganda daripada sebelumnya. Selain pembentangan laporan kewangan dan aktiviti sepanjang sesi 1999-2000, mesyuarat itu juga bertujuan untuk memilih Ahli-Ahli jawatankuasa Kerja bagi sesi 2001-2002 mereka ialah:-

Yang Dipertua Tn. Hj. Mohd. Suhaimi Husin

Naib Yang Dipertua En. Azhar Ab. Jalil

S/usaha Kehormat En. Mohd. Adilan Mat Jusoh

Pen Setiausaha En. Nik Kamil Amirah Nik Ab. Rahman

Bendahari Tn. Hj. Mohamad Razali Deraman

Ahli J/Kuasa En. Mohd. Asrif Mohd. Idris

Pn. Nik Farzimah Nik Omar

Tn. Hj. Hassan Said

Allahyarham Tn. Hj. Wan Ab. Azim Wan

Abdullah

Pem. Kira-Kira En. Rasdi Hassan

Pn. Hjh. Azizah Mustapha

Mesyuarat AJK Kerja kali pertama yang diadakan pada 9 Salar 1422, setuju melantik En. Amran Ahmad dan En. Hishamuddin Hussein sebagai Ahli Jawatankuasa Tambahan manakala YM. Tengku Petra Tengku Wook telah dilantik sebagai Setiausaha Kerja.

Mesyuarat tersebut juga memutuskan untuk mengekalkan program sepanjang sesi melewat beberapa jawatankuasa yang dipengerusikan sebagaimana berikut:-

Jawatankuasa Sukan

J/Kuasa Kebajikan & Dakwah

Jawatankuasa KEKWA

J/K Pelancongan & Rekreasi

En. Amran Ahmad

Tn. Hj. Hassan Said

Pn. Nik Farzimah Nik

Omar

En. Hishamuddin Hussein

Sejajar dengan peranannya sebagai platform untuk mempermudahkan laluan bagi ahli-ahlinya, menyemai minat dan memperkembangkan bakat mereka, KSK PKINK telah menurunkan agendanya dengan dimulai oleh program sukan. Ia dijangka akan dimulakan pada pertengahan Julai lalu dan berakhir pada Oktober 2001. Sehingga kini KSK telah menyediakan kemudahan gelanggang kepada ahli-ahli sebagaimana berikut:



Permainan Tenis

: Di Gelanggang Tenis, Kompleks Sukan Perdana pada setiap Ahad, Selasa dan Rabu mulai jam 5.00 hingga 7.00 petang.

Permainan Skuasy

: Di Gelanggang Skuasy, Kompleks Sukan Perdana pada setiap Ahad dan Selasa mulai jam 5.00 hingga 7.00 petang.


Badminton

: Di Dewan Badminton OJ, Kompleks Sekolah-Sekolah Wakaf Mek Zainab pada setiap Ahad dan Rabu mulai jam 8.00 hingga 10.00 malam untuk ahli lelaki dan di dewan Badminton Kompleks Sukan Perdana pada Setiap Ahad dan Khamis mulai jam 5.00 hingga 7.00 petang bagi ahli wanita.

(berlanjut di halaman berikut)

KUMPULAN A TERIMA SIJIL

TAMAT KPI



Kursus kurikulum Pembangunan Insan (KPI) untuk anggota Pengurusan

Kumpulan PKINK yang dilancarkan pada 12 Rabiul Awal 1421(2 Julai 2000) diadakan sebanyak 18 kali dalam tempoh hampir 10 bulan.

Sepanjang tempoh program itu berlangsung, anggota pengurusan didedahkan kepada tiga faktor utama iaitu Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqam (UMI) konsep itu menjadi pemangkin dalam memperlengkapkan anggota dengan kerja secara Islam yakni bekerja sambil benabat.

Itu merupakan usaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian dan bagi menjana segala usaha, kesungguhan dan kesanggupan anggota terbabit untuk membuat perubahan pada diri, keluarga dan masyarakat.

Dan pada 26 Safar 1422 bersamaan 20 Mei 2001 yang lalu, majlis penutup dan penyampaian sijil telah diadakan. Seramai 57 anggota pengurusan menerima sijil penyertaan. Perasmian penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Besar. Berucap pada majlis tersebut, YB Dato' Hj. Abdul Halim Abdul Rahman , yang juga Timbalan

Pengerusi Perbadanan menyarankan pegawai yang berjaya mengikuti dan menamatkan program tersebut benar-benar memanfaatkan segala pengetahuan dan teladan .

Beliau juga meminta anggota PKINK memperkemaskan asas dan pegangan Islam dalam diri sendiri, merangsang dan pertingkatkan amalan serta menjadi qudwah hasanah kepada anggota lain . Katanya melalui kaedah itu akan melahirkan anggota Perbadanan yang beriman dan bertaqwa manakala Bahagian Sumber Manusia dan Perbadanan akan mengadakan kursus yang serupa kepada anggota kumpulan B,C dan D di ibu pejabat dan syarikat-syarikat anak ia bermula pada pertengahan Ogos 2001

"Barang siapa yang bertawakal kepada Allah nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar. Dan memberinya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangkanya. Dan barang siapa yang bertawakal kepada Allah nescaya Allah akan mencukupkan (keperluan)nnya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan (yang dikehendaki)Nya. Sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu"

At-Talaq: 2-3